



29 Ogos 2017
29 August 2017
P.U. (A) 249

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(PENGAGIHAN PERBELANJAAN, KOS ATAU KERUGIAN)
(PINDAAN) 2017

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(ALLOCATION OF EXPENSES, COSTS OR LOSSES)
(AMENDMENT) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PENGAGIHAN
PERBELANJAAN, KOS ATAU KERUGIAN) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(2) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pengagihan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) (Pindaan) 2017**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2017.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pengagihan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) 2011 [*P.U. (A) 288/2011*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2—

(a) dalam subperenggan (a)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “berkenaan dengan tahun taksiran 2011,” perkataan “perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

(b) dalam subperenggan (b)—

(i) dengan menggantikan perkataan “setiap tahun taksiran berikutan tahun taksiran 2011,” dengan perkataan “tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016, perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran yang sebelumnya.” dengan perkataan “tahun taksiran sebelum tahun yang perbelanjaan, kos atau kerugian itu diagihkan; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (b) subperenggan yang berikut:
 - “(c) berkenaan dengan setiap tahun taksiran berikutan tahun taksiran 2016, perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan mengikut perkadaran amaun premium, pendapatan pelaburan dan apa-apa bentuk hasil yang lain yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang masing-masing dalam sistem insurans deposit dalam tahun taksiran sebelum tahun yang perbelanjaan, kos atau kerugian itu diagihkan.”.

Pindaan perenggan 3

3. Perenggan 3 Perintah ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (a)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “berkenaan dengan tahun taksiran 2011,” perkataan “perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “premium” dengan perkataan “levi”; dan
 - (iii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

- (b) dalam subperenggan (b)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “setiap tahun taksiran berikutan tahun taksiran 2011,” dengan perkataan “tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016, perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “premium” dengan perkataan “levi”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran yang sebelumnya.” dengan perkataan “tahun taksiran sebelum tahun yang perbelanjaan, kos atau kerugian itu diagihkan; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (b) subperenggan yang berikut:
- “(c) dikenakan dengan setiap tahun taksiran berikutan tahun taksiran 2016, perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan mengikut perkadaran amaun levi, pendapatan pelaburan dan apa-apa bentuk hasil yang lain yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang perlindungan takaful dan insurans masing-masing dalam sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dalam tahun taksiran sebelum tahun yang perbelanjaan, kos atau kerugian itu diagihkan.”.

Pindaan perenggan 4

4. Perenggan 4 Perintah ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (a)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “berkenaan dengan tahun taksiran 2011,” perkataan “perbelanjaan, kos atau kerugian itu

hendaklah diagihkan”;

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “premium” perkataan “atau levi”; dan

(iii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

(b) dalam subperenggan (b)—

(i) dengan menggantikan perkataan “setiap tahun taksiran berikutan tahun taksiran 2011,” dengan perkataan “tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016, perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan”;

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “premium” perkataan “atau levi”; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran yang sebelumnya.” dengan perkataan “tahun taksiran sebelum tahun yang perbelanjaan, kos atau kerugian itu diagihkan; dan”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperenggan (b) subperenggan yang berikut:

“(c) berkenaan dengan setiap tahun taksiran berikutan tahun taksiran 2016, perbelanjaan, kos atau kerugian itu hendaklah diagihkan mengikut perkadaran amaun premium atau levi, pendapatan pelaburan dan apa-apa bentuk hasil yang lain yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang masing-masing dalam sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dalam tahun taksiran sebelum tahun yang perbelanjaan, kos atau kerugian itu diagihkan.”.

Dibuat 25 Ogos 2017
[PIDM/PN/03/2017; PN(PU2)689/V]

DATUK SERI DR. RAHAMAT BIVI BINTI YUSOFF
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (ALLOCATION OF EXPENSES, COSTS OR LOSSES) (AMENDMENT) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by subsection 28(2) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Corporation makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Allocation of Expenses, Costs or Losses) (Amendment) Order 2017**.

(2) This Order shall have effect from the assessment year of 2017.

Amendment of paragraph 2

2. The Malaysia Deposit Insurance Corporation (Allocation of Expenses, Costs or Losses) Order 2011 [*P.U. (A) 288/2011*], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in paragraph 2—

(a) in subparagraph (a)—

(i) by inserting after the words “with respect to the assessment year of 2011,” the words “the expenses, costs or losses shall be allocated”; and

(ii) by deleting the word “and” at the end of the subparagraph;

(b) in subparagraph (b)—

(i) by substituting for the words “each assessment year following the assessment year of 2011,” the words “the assessment year of 2012 until the assessment year of 2016, the expenses, costs or losses shall be allocated”; and

- (ii) by substituting for the words “preceding assessment year.” the words “assessment year prior to the year in which such expenses, costs or losses are allocated; and”; and
- (c) by inserting after subparagraph (b) the following subparagraph:
 - “(c) with respect to each assessment year following the assessment year of 2016, the expenses, costs or losses shall be allocated in proportion to the amount of the premiums, investment income and any other forms of revenue collected for the respective funds in the assessment year prior to the year in which such expenses, costs or losses are allocated.”.

Amendment of paragraph 3

3. Paragraph 3 of the principal Order is amended—

- (a) in subparagraph (a)—
 - (i) by inserting after the words “with respect to the assessment year of 2011,” the words “the expenses, costs or losses shall be allocated”;
 - (ii) by substituting for the word “premiums” the word “levies”; and
 - (iii) by deleting the word “and” at the end of the subparagraph;
- (b) in subparagraph (b)—
 - (i) by substituting for the words “each assessment year following the assessment year of 2011,” the words “the assessment year of 2012 until the assessment year of 2016, the expenses, costs or losses shall be allocated”;

- (ii) by substituting for the word “premiums” the word “levies”; and
 - (iii) by substituting for the words “preceding assessment year.” the words “assessment year prior to the year in which such expenses, costs or losses are allocated; and”; and
- (c) by inserting after subparagraph (b) the following subparagraph:
- “(c) with respect to each assessment year following the assessment year of 2016, the expenses, costs or losses shall be allocated in proportion to the amount of the levies, investment income and any other forms of revenue collected for the respective takaful and insurance protection funds in the takaful and insurance benefits protection system in the assessment year prior to the year in which such expenses, costs or losses are allocated.”.

Amendment of paragraph 4

4. Paragraph 4 of the principal Order is amended—

- (a) in subparagraph (a)—
- (i) by inserting after the words “with respect to the assessment year of 2011,” the words “the expenses, costs or losses shall be allocated”;
 - (ii) by inserting after the word “premiums” the words “or levies”; and
 - (iii) by deleting the word “and” at the end of the subparagraph;

- (b) in subparagraph (b)—
- (i) by substituting for the words “each assessment year following the assessment year of 2011,” the words “the assessment year of 2012 until the assessment year of 2016, the expenses, costs or losses shall be allocated”;
 - (ii) by inserting after the word “premiums” the words “or levies”; and
 - (iii) by substituting for the words “preceding assessment year.” the words “assessment year prior to the year in which such expenses, costs or losses are allocated; and”; and
- (c) by inserting after subparagraph (b) the following subparagraph:
- “(c) with respect to each assessment year following the assessment year of 2016, the expenses, costs or losses shall be allocated in proportion to the amount of the premiums or levies, investment income and any other forms of revenue collected for the respective funds in the deposit insurance system and the takaful and insurance benefits protection system in the assessment year prior to the year in which such expenses, costs or losses are allocated.”.

Made 25 August 2017
[PIDM/PN/03/2017; PN(PU2)689/V]

DATUK SERI DR. RAHAMAT BIVI BINTI YUSOFF
Chairman
Malaysia Deposit Insurance Corporation